

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah tawaran melanjutkan pelajaran ke IPTA bagi sesi tahun 2019 bagi pengambilan diploma dan sarjana muda seluruh Malaysia mengikut pecahan setiap negeri dan berapa jumlah pelajar yang tidak melaporkan diri setelah menerima tawaran ke IPTA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA) , Jabatan Pendidikan Tinggi bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelaraskan kemasukan pelajar ke program Sijil, Asasi, Diploma dan Sarjana Muda di universiti awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Jumlah keseluruhan pelajar yang ditawarkan ke Program Sarjana Muda Sesi Akademik 2019/2020 ialah **56,759** orang dengan pecahan penawaran mengikut negeri adalah seperti berikut:

1. Negeri Johor seramai 6,807;
2. Negeri Kedah seramai 4,742;

3. Negeri Kelantan seramai 5,064;
4. Negeri Melaka seramai 1,746;
5. Negeri Sembilan seramai 2,201;
6. Negeri Pahang seramai 3,101;
7. Negeri Pulau Pinang seramai 3,055;
8. Negeri Perak seramai 5,329;
9. Negeri Perlis seramai 566;
10. Negeri Selangor seramai 8,045
11. Negeri Terengganu seramai 3,315;
12. Negeri Sabah seramai 6,120;
13. Negeri Sarawak seramai 4,582;
14. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 1,783;
15. Wilayah Persekutuan Labuan seramai 145;
16. Wilayah Persekutuan Putrajaya seramai 157; dan
17. Lain-lain (luar negara) seramai seorang.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **88 peratus (50,155)** calon yang ditawarkan ke Program Sarjana Muda telah mendaftar di IPTA, manakala selebihnya iaitu sebanyak **12 peratus (6,604)** telah tidak mendaftar.

Berhubung dengan Program Diploma pula, jumlah keseluruhan pelajar yang ditawarkan ke Program Diploma bagi Sesi Akademik 2019/2020 ialah **96,703** orang dengan pecahan penawaran mengikut negeri adalah seperti berikut:

1. Negeri Johor seramai 11,256;
2. Negeri Kedah seramai 9,266;
3. Negeri Kelantan seramai 8,677;
4. Negeri Melaka seramai 2,993;
5. Negeri Sembilan seramai 4,260;
6. Negeri Pahang seramai 5,857;

7. Negeri Pulau Pinang seramai 4,044;
8. Negeri Perak seramai 7,867;
9. Negeri Perlis seramai 1,000;
10. Negeri Selangor seramai 17,736;
11. Negeri Terengganu seramai 6,158;
12. Negeri Sabah seramai 6,210;
13. Negeri Sarawak seramai 7,267;
14. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 3,445;
15. Wilayah Persekutuan Labuan seramai 223;
16. Wilayah Persekutuan Putrajaya seramai 441; dan
17. Lain-lain (luar negara) seramai tiga orang.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 47 peratus (45,225) calon yang ditawarkan ke Program Diploma telah mendaftar di IPTA, manakala selebihnya iaitu sebanyak 53 peratus (51,478) telah tidak mendaftar.

Sekian, terima kasih.